

## **MAJORITI SYARIKAT DI MALAYSIA BERTINDAK UNTUK MENGAMBIL PERLINDUNGAN TERHADAP RISIKO PERNIAGAAN SELEPAS BERLAKUNYA SUATU KRISIS**

*Jurang yang ketara wujud di antara kesedaran dan penggunaan insurans liabiliti perniagaan*

**Kuala Lumpur, 5 Julai 2017** – Laporan terkini yang dikeluarkan oleh QBE Insurance mendapati kebanyakan syarikat di Malaysia hanya bertindak untuk mengambil perlindungan terhadap risiko liabiliti perniagaan selepas berlakunya suatu krisis.

Laporan QBE yang bertajuk “The Risks of Regret” adalah berdasarkan kajiselidik yang dijalankan pada bulan April dan Mei 2017 dengan kira-kira 300 syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan syarikat besar di Malaysia. Laporan ini meninjau cabaran dan peluang perniagaan semasa dan masa depan, serta tahap persediaan syarikat-syarikat ini untuk berhadapan dengan risiko.

“Kami terkejut apabila mendapati yang syarikat di Malaysia hanya akan mengambil insurans risiko liabiliti perniagaan selepas berlakunya suatu insiden yang merugikan. Keadaan ini agak membimbangkan kerana akan mendedahkan perniagaan, pelanggan, dan orang awam kepada risiko yang lebih besar iaitu kehilangan peluang untuk mendapatkan pampasan selepas berlaku suatu krisis,” kata Leo Zanolini, Ketua Pegawai Eksekutif, QBE Insurance Malaysia.

Dalam tempoh 12 bulan yang lalu, risiko yang kerap dihadapi oleh syarikat di Malaysia adalah: isu pematuhan undang-undang bagi pengawalan dan pengawalseliaan (28%); kehilangan pendapatan akibat gangguan perniagaan (27%); kecederaan kakitangan semasa bekerja (24%); kerosakan atau kehilangan inventori (22%); kerosakan peralatan (21%); dan liabiliti awam atau pihak ketiga disebabkan oleh isu berkenaan produk atau perkhidmatan (18%).

“Insurans liabiliti perniagaan menjadi lebih penting bagi perniagaan apabila terdapat peningkatan dalam syarikat yang berhadapan dengan isu pematuhan undang-undang bagi pengawalan dan pengawalseliaan pada tahun lepas,” kata Zanolini.

## **Kecenderungan untuk menjadi reaktif berbanding proaktif**

Kajian yang dijalankan oleh QBE mendedahkan bahawa trend syarikat untuk bertindak balas hanya selepas berlakunya insiden yang merugikan adalah menjadi kebiasaan dalam rangka risiko perniagaan. 38% daripada perniagaan yang mempunyai isu liabiliti awam atau isu pihak ketiga akibat kemalangan atau kecuaiian perniagaan hanya mengambil insurans liabiliti perniagaan selepas berlakunya suatu krisis dan 6% daripadanya tidak mengambil sebarang tindakan selepas insiden tersebut berlaku.

Syarikat yang menghadapi masalah lain-lain yang dinyatakan, turut mengambil langkah selepas berlakunya sesuatu insiden – insurans liabiliti perniagaan hanya dibeli setelah berlakunya insiden-insiden berikut antaranya, 24 peratus syarikat yang pernah mengalami penipuan daripada pelanggan ataupun penipuan pembayaran melalui internet; 22 peratus pula yang pernah mengalami kecurian data-data sensitif juga melalui internet; 22 peratus kecederaan pada kakitangan syarikat semasa di tempat kerja, dan 20 peratus lagi adalah syarikat yang menanggung liabiliti awam atau liabiliti pihak berkait pada isu-isu produk dan perkhidmatan.

“Ketika banyak perniagaan yang bertindak selepas terjadinya sesuatu insiden, pihak kami juga agak terkejut dengan jumlah perniagaan yang menyatakan mereka masih tidak mengambil apa-apa langkah perlindungan selepas mengalami sesuatu insiden”, tambah beliau.

Seterusnya, 19 peratus syarikat di Malaysia yang pernah mengalami isu-isu berkaitan liabiliti awam dan liabiliti pihak berkait yang disebabkan produk dan perkhidmatan mereka juga tidak mengambil apa-apa langkah setelah mengalami penipuan pembayaran melalui internet.

## **Jurang perbezaan antara kesedaran dan kepenggunaan.**

Memetik laporan ‘The Risks of Regret’, turut memperlihatkan jurang perbezaan yang ketara di antara kesedaran dan kepenggunaan bagi insurans am perniagaan dan insurans liabiliti perniagaan. Hampir kesemua responden yang terdiri daripada 96 peratus dikalangkannya mempunyai beberapa insurans berkaitan perniagaan, tidak terkecuali juga

yang mempunyai insurans kemalangan am dan perlindungan pampasan kakitangan syarikat. Namun demikian, kesedaran dan pengambilan perlindungan insurans liabiliti masih jauh lebih rendah jika dibandingkan. Kurang daripada separuh di mana 45 peratus Industri Kecil Sederhana (IKS) dan syarikat-syarikat besar di negara ini yang ketika ini memiliki perlindungan liabiliti terhadap perniagaan, dan yang selebihnya hanya menyedari tentangnya.

Hasil kajian juga mendapati kesedaran dan kepenggunaan indemnitasi profesional masih di tahap rendah, iaitu 27 peratus pada kesedaran dan hanya 19 peratus terhadap kepenggunaannya. Bagi insurans liabiliti terhadap awam dan produk pula, masing-masing mencatatkan perbezaan 31 peratus dan 21 peratus. Manakala, angka bagi insurans liabiliti pengarah dan pegawai pula merekodkan 17 peratus terhadap kesedaran dan cuma 8 peratus terhadap kepenggunaan.

## **Risiko, apa itu risiko?**

Apabila soalan berkaitan pemilikan insurans liabiliti ditanyakan kepada syarikat-syarikat, hampir separuh daripada mereka (45%) menyatakan bahawa kos risiko adalah lebih besar daripada perniagaan mereka. Sementara 41% syarikat mempunyai masalah isu bajet, dan 29% lagi mempunyai keutamaan terhadap perniagaan yang lain. Satu daripada lima responden (20%) menyatakan bahawa polisi insurans adalah terlalu rumit, dan 14% responden mempunyai kekangan masa bagi mencari maklumat mengenai insurans liabiliti yang berbeza.

“Lebih membimbangkan, apabila 16% daripada responden di Malaysia tidak pernah terfikir untuk mengambil insurans liabiliti bagi melindungi perniagaan mereka,” kata Zanolini.

## **Perlindungan perniagaan penting ketika menghadapi cabaran.**

Melihat pada jangka masa setahun akan datang, perniagaan Malaysia dijangkakan akan terus berada dalam keadaan yang mencabar, dengan 37% perniagaan diramalkan akan mengalami kelembapan perniagaan di samping kenaikan kos input dan keuntungan yang lebih rendah (36%). Tambahan, Industri Kecil dan Sederhana (IKS) mengenal pasti bahawa penurunan prestasi sesebuah perniagaan adalah suatu isu berbanding syarikat-

# News release



syarikat korporat, masing-masing adalah pada 43% dan 29%. Suku daripada syarikat-syarikat (24%) juga menjangkakan persaingan perniagaan akan lebih sengit.

Lebih positif, 28% perniagaan Malaysia menjangkakan peningkatan pelaburan dalam teknologi yang mana 79% meramalkan bahawa ia akan membawa perubahan yang positif kepada industri mereka.

Kajian ini juga menggambarkan cabaran-cabaran terbesar bagi perniagaan pada masa sekarang, iaitu keuntungan perniagaan (46%), pengurangan kos (40%), pengekalannya kakitangan (36%); pengekalannya pelanggan serta pengekalannya teknologi dan sistem (keduaduanya pada 35%); dan pemerolehan bakat (30%).

“Memandangkan keadaan ekonomi semasa yang mencabar dan peningkatan tekanan pelaburan dalam teknologi baru, syarikat-syarikat perlu memastikan bahawa perniagaan mereka dilindungi dengan secukupnya. QBE memahami isu-isu ini dan menyediakan penyelesaian dalam pengurusan risiko perniagaan dan profesional bagi semua saiz syarikat tanpa mengira jenis bidang industri di Malaysia,” kata Zanolini.

-Tamat-

# News release



**Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:**

**Antonia LEUNG**

Senior Communications Manager  
QBE Emerging Markets – Asia Pacific  
Direct: +852 2253 3687  
Mobile: +852 9187 6370  
Email: [Antonia.leung@qbe.com](mailto:Antonia.leung@qbe.com)

**Calvin SYMONS**

Senior Account Manager  
Priority Communications  
Direct: +60 3 7954 5336  
Mobile: +60 12 215 8525  
Email: [Lorne.Christensen@qbe.com](mailto:Lorne.Christensen@qbe.com)

## **Metodologi Kaji Selidik**

QBE telah menjalankan kaji selidik melalui telefon serta dalam talian terhadap 1,198 buah syarikat perniagaan dan kewangan yang terdiri daripada perusahaan kecil, sederhana dan syarikat besar yang terletak di Singapura, Hong Kong, Malaysia dan Indonesia. Terdapat 301 buah syarikat yang berpusat di Malaysia. Responden/Kajian ini telah dibahagikan kepada enam industri utama iaitu IT dan Telekomunikasi; Penjagaan Kesihatan; Perkhidmatan Kewangan; Pembuatan; Pembinaan dan Kejuruteraan; serta Perkhidmatan Profesional dan Perniagaan. Tempoh kajian ini dijalankan adalah pada 31 Mac hingga 28 April 2017.

## **Mengenai QBE Malaysia**

QBE Insurance (Malaysia) Berhad merupakan sebahagian daripada Pasaran Baru Muncul Kumpulan QBE. Pada tahun 1905, QBE telah memasuki pasaran Malaysia dan kami berbangga kerana dapat menyumbang ke arah peningkatan dan kejayaan Malaysia. Melalui pengalaman serta langkah yang inovatif, kami mampu menyediakan kepakaran dalam perlindungan insurans untuk membantu perniagaan mereka menangani resiko. QBE Malaysia, telah menawarkan kepada pelanggan iaitu pengetahuan tempatan/asas, kepakaran serantau dan kekuatan sedunia.

Reputasi kami yang mantap adalah paparan dedikasi kakitangan kami dan hubungan kerja yang rapat yang kami nikmati dengan perantara kami. Kami memberi tumpuan kepada pelanggan perniagaan - kedua-dua syarikat korporat dan IKS (dengan penekanan tertentu pada kelas insurans pakar) - dan menaja jamin pelbagai perlindungan insurans peribadi untuk individu.

# News release



Di samping,kepakaran teknikal, QBE Malaysia berbangga dengan pengetahuan serta perkhidmatan tempatannya. Sokongan melalui ejen, broker dan pelanggan telah meluaskan rangkaian cawangan kami di seluruh Malaysia